

CCP LAW - BERITA KE-8



Pengujian Program Rintis CCP-LAW

Fasa rintis untuk program CCPLAW telah dilaksanakan daripada pertengahan September sehingga hujung Disember 2024, sebagai satu pencapaian yang besar dalam pembangunan kursus sarjana dalam Polisi dan Undang-undang Perubahan Iklim (CCPLAW). Ia dibentuk melalui kolaborasi institusi di Asia dan Eropah melalui inisiatif Erasmus+. Ia memberikan peluang yang unik kepada pelajar-pelajar undang-undang di Asia untuk mengalami Pendidikan polisi dan undang-undang perubahan iklim yang terkini.

Universiti-universiti di Asia telah melaksanakan pengujian rintis, dengan melibatkan 215 orang pelajar. Seramai 20-50 pelajar daripada setiap institusi telah menyertai latihan rintis tersebut. Latihan tersebut telah dibangunkan dengan teliti melalui kolaborasi antara institusi-institusi di Asia dan Eropah, yang menawarkan pelbagai subjek. Semasa fasa rintis ini, para pelajar telah melalui modul-modul terpilih bernilai 15 kredit ECTS dan setiap university melaksanakan kursus dengan topik-topik ikut:

Hue University (HU) - Penyelaras

- Polisi Perubahan Iklim (6 ECTS)
- Perubahan Iklim dan Hak Asasi Manusia (6 ECTS)
- Tadbir Urus Korporat dan Perubahan Iklim (3 ECTS)

Hanoi Law University (HLU)

- Tadbir Urus Perubahan Iklim (6 ECTS)
- Perubahan Iklim dan Migrasi (6 ECTS)
- Perubahan Iklim dan Tenaga (3 ECTS)

Symbiosis International (SIU)

- Etika Perubahan Iklim (6 ECTS)
- Penyelesaian Pertikaian Perubahan Iklim (6 ECTS)
- Perubahan Iklim dan Pembangunan Lestari (3 ECTS)

Marwadi University (MU)

- Undang-undang Perubahan Iklim dan Persekitaran Antarabangsa (6 ECTS)
- Litigasi Pertikaian Perubahan Iklim (6 ECTS)
- Pencegahan dan Pengurusan Risiko Persekitaran (3 ECTS)



Sorotan Berita

PENGUJIAN PROGRAM
RINTIS CCPLAW

PENILAIAN PROGRAM
RINTIS

PUSAT UNDANG-
UNDANG PERUBAHAN
IKLIM

GAMBAR-GAMBAR



CCP LAW - BERITA KE-8



Universiti Utara Malaysia (UUM)

- Undang-undang Persekitaran n Perubahan Iklim EU (6 ECTS)
- Sains Perubahan Iklim - Mitigasi dan Adaptasi (6 ECTS)
- Perubahan Iklim dan Pembangunan Lestari (3 ECTS)

International Islamic University Malaysia (IIUM)

- Undang-undang Perubahan Iklim dan Pembuangan Sampah (6 ECTS)
- Ekonomi Perubahan Iklim (6 ECTS)
- Pencegahan dan Pengurusan Risiko Persekitaran (3 ECTS)



Penilaian Program Rintis

Bagi kesemua institusi yang terlibat, para pendidik yang menyertai program rintis tersebut telah menyatakan secara konsisten mengenai nilai model pembelajaran hibrid, yang telah menggabungkan elemen fizikal dan dalam talian bagi memastikan penglibatan yang fleksibel dan mendalam. Pendidik-pendidik menghargai bagaimana penggunaan kajian kes dunia nyata dan perdebatan membolehkan pelajar menganalisis polisi iklim dan melaksanakan ilmu teoretikal terhadap scenario praktikal. Aktiviti-aktiviti yang disertakan dalam modul-modul telah membantu pelajar mendapatkan pengalaman secara 'hands-on' dan memberikan skil penting dalam tadbir urus, pemikiran kritis, dan penilaian polisi, seterusnya menyumbang kepada persediaan mereka untuk peranan kepimpinan dalam polisi iklim, undang-undang dan advokasi.

Para pelajar telah memuji kurikulum yang lengkap dan informatif, khususnya menghargai aplikasi dunia nyata bagi polisi dan undang-undang perubahan iklim. Ramai yang melaporkan pemahaman yang mendalam dalam aspek undang-undang iklim, pembangunan lestari, dan pemuliharaan persekitaran, dengan segelintir mengakui peningkatan dalam kompetensi menasihatkan polisi iklim. Perspektif antarabangsa yang diberikan oleh institusi Eropah telah menambah dimensi global kepada pengalaman pembelajaran, meningkatkan keboleh pelajar untuk berfikir secara kritikal dan adaptasi kepada bidang perubahan iklim yang sentiasa berubah. Secara keseluruhan, para pelajar merasakan kursus ini telah meluaskan ilmu dan menyediakan mereka untuk kerjaya dalam polisi, undang-undang dan kelestarian.



Pusat Undang-undang Perubahan Iklim

Sebagai satu hasil utama projek, Pusat Undang-undang Perubahan Iklim telah berjaya ditubuhkan di kesemua 6 universiti di Asia. Pusat-pusat ini bertujuan menyediakan ruang khusus kepada pelajar, penyelidik, academia dan pakar industry untuk berkolaboratif, berhubung dan bertukar idea mengenai undang-undang dan polisi perubahan iklim. Dilengkapi dengan teknologi dan perisian canggih, pusat-pusat ini akan menggalakkan penyelidikan yang inovatif, di samping menyediakan platform kepada ahli profesional di masa hadapan untuk mengukuhkan lagi keupayaan dalam menyelesaikan isu perubahan iklim. Tambahan lagi, pusat-pusat ini akan bertindak sebagai tumpuan serantau dalam pembentukan polisi, dan menyumbang kepada pembentukan undang-undang perubahan iklim yang efektif dan penambahbaikan kurikulum, di samping memastikan impak jangka masa panjang selepas daripada projek ini tamat dan disempurnakan.



Gambar-gambar

